

أنق كونچي شرکا

ANAK KUNCI SYURGA



pengarang/penyusun

**ASY-SYEIKH ABDUL QADIR BIN ‘ABDUL MUTHALIB AL-
INDUNISI AL-MANDILI** رحمه الله

disyarahkan oleh

abu rumaysa Idrus bin Ali bin Sarif al awahi
semoga Allahmengampuninya dan menetapkannya di atas jalan istiqamah

“AQA’ID AL-IMAN”
Nota Kuliah Siri 11 (ms 13-14)



ANAK KUNCI SYURGA

oleh

abu rumaysa Idrus bin Ali bin Sarif al Awahi

Lot 2785 Jalan Limau,Meru Kapar Selangor Darul Ehsan

Hp : +6013-2959766, E-mail : aburumaysa66@yahoo.com

بِسْمِ اللَّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ

إِنَّ الْحَمْدَ لِلّٰهِ ، نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ ، وَنَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنْ شُرُورِ النَّفَّٰثَاتِ
أَعْمَالِنَا ، مَنْ يَهْدِهِ اللّٰهُ فَلَا مُضِلٌّ لَّهُ ، وَمَنْ يُضْلِلُ فَلَا هَادِيٌ لَّهُ ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ .
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ

(al-Imran:102)

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِّنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجًا
كَثِيرًا وَنِسَاءً وَاتَّقُوا اللّٰهَ الَّذِي تَسْأَلُونَ بِهِ الْأَرْدَامَ ، إِنَّ اللّٰهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا .

(An-Nisa'a':1)

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللّٰهَ وَقُولُوا قُوْلًا سَدِيدًا ، يُصْلِحُ لَكُمْ أَعْمَالَكُمْ وَيَعْفُرُ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ ،
وَمَنْ يُطِعِ الْمَوْرَسُولَةَ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا

(Al-Ahzab:70-71)

أَمَّا بَعْدُ : فَإِنَّ أَصْدَقَ الْحَدِيثِ كِتَابُ اللّٰهِ عَزَّ وَجَلَّ أَحْسَنَ الْهَدِيَّ هَذِي مُحَمَّدٌ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ ، وَشَرَّ الْأُمُورُ مُخْدِثَاهَا ، وَكُلَّ مُحْدَثَةٍ بَدْعَةٌ ، وَكُلَّ بَدْعَةٍ ضَلَالٌ ، وَكُلَّ ضَلَالٌ فِي
¹ التَّارِ.

¹ Khutbah ini dinamakan *Khutbatul Hajah*, khutbah pembuka yang biasa dipergunakan Rasulullah *sallallahu'ala'ihi wasallam* untuk mengawali setiap majlisnya. Beliau *sallallahu'ala'ihi wasallam* juga mengajarkan khutbah ini kepada para sahabat *radiallahu'anhum*. Khutbah ini diriwayatkan dari enam orang sahabat Nabi *sallallahu'ala'ihi wa sallam* *sallallahu'ala'ihi wasallam*. Diriwayatkan oleh Imam Ahmad(I/392-393), Abu Daud(no. 1097 dan 2118),an-Nasaai(III/104-105),at-Tirmidzi(no. 1105),Ibnu Majah (no.1892),,al-Hakim(II/182-83),,ath-Thayalisi (no.336),Abu Ya'la(no.5211),ad-Darimi(II/142), dan al-Baihaqi (III/214 dan VII/146 dari sahabat Abdullah bin Mas'ud *radiallahu'anhu*. Hadis ini shahih. Syeikhul Islam Ibnu Taimiyah *rahimahullah* berkata;”Khutbah ini adalah sunnah,dilakukan ketika mengajarkan al-Quran, as-Sunnah,fiqh,menasihati orang dan semacamnya...Sesungguhnya hadis Ibnu Mas'ud *radiallahuanhu* tidak mengkhususkan untuk khutbah nikah sahaja, tetapi khutbah ini pada setiap ada keperluan untuk berbicara kepada hamba-hamba Allah,sebahagian kepada sebahagian yang lainnya...”(*Majmuu' Fataawa* Syeikhul Islam Ibnu Taimiyah XVIII/286-287) -dinukil dari buku “*Syarah Aqidah Ahlus Sunnah Wal Jamaah*” oleh Yazid bin Abdul Qadir Jawas, ms xix-xx.

Matan Dari Kitab “Anak Kunci Syurga” dari mukasurat 13 -14

“AQĀ’ID AL-IMAN”

TAUHID AL - ULUHIYYAH

(Ertinya : MengEsakan Allah Ta’ala Pada Perbuatan Hamba-Nya Yang Disuruh)

Dan bahawa Allah Ta’ala ketunggalan Ia dengan perbuatan hamba-Nya yang disuruh, seperti sembahyang, maka;

- a. Tiada kita **sembahyang**, melainkan Allah Ta’ala.
- b. Dan jangan kita **sujud**, melainkan kerana Allah Ta’ala.
- c. Dan jangan kita **bernazar**, melainkan bagi Allah Ta’ala.
- d. Dan jangan kita kerjakan ‘**ibadat**’, melainkan kerana Allah Ta’ala.
- e. Dan jangan kita **sekutukan** Allah Ta’ala dengan yang lainnya pada ‘ibadah kita.
- f. Dan jangan kita **menyembelih** keranan hantu, tok keramat dan tok nenek.
- g. Dan jangan kita **harap**, melainkan akan Allah Ta’ala.
- h. Dan jangan kita **takut**, melainkan akan Allah Ta’ala.
- i. Dan jangan kita **minta tolong**, melainkan akan Allah Ta’ala.

Kerana firman Allah Ta’ala;

وَلَقَدْ أُوحِيَ إِلَيْكَ وَإِلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكَ لِئَنَّ أَشْرَكَتْ لَيْخَبَطَنَ عَمْلُكَ وَلَتَكُونَنَّ مِنَ الْخَسِيرِينَ ﴿٦٥﴾

Ertinya : “Dan sesungguhnya diberitahu kepada engkau,wahai Rasulullah dan kepada sekalian pesuruh yang dahulu daripada engkau. Demi Allah,jika menyengutukan engkau akan Allah Ta’ala pada ‘ibadah-fardhu takdir-,nescaya batal segala ‘ibadah engkau, dan nescaya adalah engkau daripada sekalian yang rugi pada dunia dan akhirat.”(Surah Az-Zumar:Ayat 65)

Dan firman-Nya:

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٦٢﴾

Ertinya : “Berkata olehmu,wahai Rasulullah,bahwasanya solatku dan menyembelih aku dan hidupku dan matiku tertentu semuanya bagi Allah Ta’ala yang menjadikan segala ‘alam.” (Surah Al-‘An’am:Ayat 162)

Dan sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wa sallam*:

Ertinya : “Apabila berkehendak engkau akan minta sesuatu,maka minta olehmu akan Allah; dan apabila berkehendak engkau akan minta tolong,maka minta tolong olehmu akan Allah Ta’ala.”

Wallahu 'lam.

Syarah:

2. Tauhid Uluhiyyah (الاًلوهِيَّة)

Kalimah al-uluhiyah (الاًلوهِيَّة) ialah masdar dari kalimah :-

(الوَهْيَةُ - يَالَّهُ - الْوَهْيَةُ).

Uluhiyah adalah sifat bagi Allah *Subhanahu wa-Ta'ala*. Ilah (الله) bermakna (مَلُوْه) iaitu “Yang Disembah dengan penuh kecintaan serta pengagungan”

Bermaksud meng-Esakan Allah subhanahu wa Ta'ala melalui segala perbuatan para hamba, yang dengan cara itu mereka dapat beribadah untuk mendekatkan diri kepada Allah *subhanahu wa Ta'ala* . (**Mengesakan Allah Ta'ala dalam Beribadah**)

Dan tauhid ini adalah *Tauhidut Thalab wal Qashdu*,dan inilah makna *Lailaha illallah* yang dengannya Allah Ta’ala menciptkan makhluk,menurunkan kitab-kitab dan mengutuskan para Rasul,disyariatkan jihad,dibezaikan antara orang muslim dan kafir dan penghuni syurga dan penghuni sebagaimana firman Allah *subhanahu wa Ta'ala* :

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ مِنْ رَسُولٍ إِلَّا نُوحِيَ إِلَيْهِ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنَا فَاعْبُدُونِ ﴿٢٥﴾

“Dan kami tidak mengutus seorang Rasul pun sebelummu, melainkan Kami wahyukan kepadanya: Bahwasanya tidak ada ilah(yang hak) melainkan Aku,maka beribadahlah kepada-Ku.”(al-Anbiyaa 21:25)

Tauhid Uluhivyah mengungkapkan keyakinan yang pasti bahawa :

- Allah Ta’ala adalah *ilah* yang *haq* dan tidak ada *ilah* selain-Nya,segala yang diibadahi selain-Nya adalah *bathil*,
- hanya Dialah yang berhak dan patut diibadahi,bagi-Nya ketundukan dan ketaatan secara mutlak.
- Tidak boleh sesiapa pun dijadikan sebagai sekutu-Nya dan tidak boleh segala bentuk ibadah apapun diperuntukkan kepada selain-Nya,seperti solat, puasa,zakat,haji,doa,*inti'anah*, *nazar* ,menyembelih, *tawakkal*,*khauf*,harap,cinta dan lain-lain dari macam-macam ibadah yang zahir mau pun batin.

شَهِدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَالْمَلَائِكَةُ وَأُولُوا الْعِلْمِ قَاتِلًا بِالْقِسْطِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْعَزِيزُ

الْحَكِيمُ

“Allah menerangkan (kepada sekalian makhlukNya dengan dalil-dalil dan bukti), bahwasanya tiada Tuhan (yang berhak disembah melainkan Dia, Yang sentiasa mentadbirkan (seluruh alam) dengan keadilan, dan malaikat-malaikat serta orang-orang yang berilmu (mengakui dan menegaskan juga yang demikian); tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan dia; yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.”

(Al-Imran : 18)

Ibadah kepada Allah Ta’ala harus dilandasi dengan **rasa cinta, cemas/takut** dan **harap** secara bersamaan. Beribadah kepada-Nya dengan sebahagian saja dan meninggalkan sebahagian lainnya adalah kesesatan.

وَمَنْ يَدْعُ مَعَ اللَّهِ إِلَهًاٰ إِلَّا بُرْهَنَ لَهُ بِهِ فَإِنَّمَا حِسَابُهُ عِنْدَ رَبِّهِ إِنَّهُ لَا يُفْلِحُ الْكَافِرُونَ

III

“Dan barangsiapa beribadah kepada ilah yang lain di samping Allah, padahal tidak ada satu dalil pun baginya tentang itu,maka sesungguhnya perhitungannya disisi Rabnya.Sesungguhnya orang-orang yang kafir itu tiada beruntung.” (al-Mukminun 23:117)

Sungguh Allah Ta’ala tidak akan redha bila dipersekutuan dengan sesuatu apa pun. Bila ibadah itu dipalingkan kepada selain Allah Ta’ala , maka pelakunya jatuh kepada *Syirkun Akbar* dan tidak diampuni dosanya (*apabila ia mati dalam keadaan tidak bertaubat kepada Allah Ta’ala atas perbuatan syiriknya*).

إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرِكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُوْتَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ وَمَنْ يُشْرِكَ بِاللَّهِ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا

بعيدًا

“Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa mempersekuatunya dengan sesuatu ,dan Dia mengampuni dosa yang lebih rendah darjatnya dari syirik itu bagi sesiapa yang dikehendaki-nya.Barangsiapa yang mempersekuatunya(sesuatu) dengan Allah,maka sesungguhnya ia telah tersesat sejauh-jauhnya.” (An-Nisa’:116)

Sesungguhnya pengertian ibadah dalam Tauhid Uluhiyah, ia bukanlah semata-mata tertumpu kepada solat, puasa, zakat, haji dan yang seumpamanya, tetapi ibadah yang dimaksudkan amat luas bidangnya kerana ia meliputi apa sahaja amal kebaikan dan ketaatan yang tidak bertentangan dengan syara.

Malah setiap perkataan dan amalan terutamanya yang ada contohnya dari syara atau sunnah kemudian tidak disyirikkan dengan diniatkan demi kerana Allah Ta’ala maka itu juga dinamakan ibadah. Allah Ta’ala berfirman:

فَمَنْ كَانَ يَرْجُو لِقَاءَ رَبِّهِ فَلْيَعْمَلْ عَمَلاً صَالِحًا وَلَا يُشْرِكْ بِعِبَادَةِ رَبِّهِ أَحَدًا.

"Barangsiapa mengharap perjumpaan dengan Tuhanya maka hendaklah ia mengerjakan amal yang soleh dan janganlah ia memperseketukan seorangpun dalam beribadah kepada Tuhanya". (Al-Kahfi, 18:110.)

Perkara ini telah dijelaskan juga oleh **Al-Hasan**¹ rahimahullah:

يَقُولُ الْحَسَنُ : لَا يَصْحُّ الْقَوْلُ إِلَّا بِعَمَلٍ وَلَا يَصْحُّ قَوْلُ وَعَمَلٌ إِلَّا بِنِيَّةٍ وَلَا يَصْحُّ قَوْلُ وَعَمَلٌ إِلَّا بِالسُّنَّةِ.

"Berkata al-Hasan: Tidak sah (tidak diterima) sesuatu perkataan kecuali disertakan dengan amal, tidak sah perkataan dan amalan kecuali disertakan dengan niat, dan tidak sah perkataan, amalan dan niat kecuali mengikut (berittiba' kepada) sunnah".¹

Ada pun ibadah mengikut pengertian syara, sebagaimana yang disepakati oleh jumur ulama Ahli Sunnah wal-Jamaah yang berpegang dengan manhaj Salaf as-Soleh, ia dapat difahami melalui penjelasan **Ibn Taimiyah**¹ rahimahullah, iaitu:

الْعِبَادَةُ هِيَ إِسْمُ جَامِعٍ لِكُلِّ مَا يُحِبُّهُ اللَّهُ وَيَرْضَاهُ مِنْ أَلْفَوْالِ وَأَلْفَعَالِ الظَّاهِرَةِ وَالْبَاطِنَةِ.

"Ibadah ialah: Nama umum untuk setiap yang dicintai dan direhsti oleh Allah, sama ada (yang berupa) perkataan atau perbuatan, yang lahir atau yang batin".

Manakala menurut **al Imam As Shan'ani**¹ rahimahullah di dalam bukunya, *Tathhirul I'tiqad 'An Adraani Al-Ilhaad* Ibadah dapat dibahagikan kepada empat(+ 1 dari Ulama lain) bahagian:

1- Ibadah Iktikadiyah (عِبَادَةُ اعْتِقَادِهِ): Iaitu hendaklah seorang muslim yang beriman mempercayai (beriktikad) bahawa *Allah Azza wa-Jalla* pencipta, pemberi rezeki, menghidupkan, mematikan dan menguruskan semua hal keperluan dan hal ehwal para hamba dan segala makhlukNya.

Ibadah Iktikadiyah seseorang itu meyakini hanya Allah yang berhak diibadahi yang tiada sekutu bagiNya, seperti memohon doa, menyembelih, bernazar dan sebagainya. Sesungguhnya Dia bersifat dengan sifat-sifat al-Jalal, Sempurna, Kebesaran, Keagungan dan selainnya yang berupa jenis-jenis sifat sempurna yang wajib diiktikadi.

2- Ibadah Lafziyah (عِبَادَةُ لِفَظِيَّةِهِ): Iaitu seperti melafazkan syahadah لا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ "Pengakuan bahawa tiada Tuhan yang berhak diibadahi kecuali Allah, dan Muhammad itu utusan Allah", membaca al-Quran, berdoa, berzikir dengan zikir-zikir Nabi dan selainnya yang berbentuk ibadah lafziyah.

3- Ibadah Badaniyah (عَادَةِ بَدْنَيَّةٍ): Iaitu seperti berdiri, ruku' dan sujud semasa mengerjakan solat, berpuasa, mengerjakan kerja-kerja haji, jihad dan sebagainya dari jenis ibadah badan (jasmani atau fizikal).

4- Ibadah Maliyah (عَادَةِ مَالِيَّةٍ) "Beribadah dengan cara mengeluarkan harta/kebendaan": Iaitu seperti mengeluarkan zakat, sedakah (infak), hibah dan sebagainya.

5- Ibadah Tarkiyah (عَادَةِ تَرْكِيَّةٍ) "Ibadah dengan cara meninggalkan yang mungkar/maksiat/batil": Iaitu seorang muslim hendaklah meninggalkan segala yang diharamkan, perbuatan yang membawa kesyirikan dan bid'ah kerana berpegang dengan syariat Allah Ta'ala, maka inilah di antara jenis ibadah tarkiyah. Ibadah tarkiyah ialah ibadah yang diberi pahala seseorang muslim yang meninggalkannya kerana telah meninggalkan yang diharamkan semata-mata kerana Allah Ta'ala, dan berdosa apabila ia melakukannya kerana tidak mentaati Allah Ta'ala dalam perkara yang telah diharamkan.

Menurut syara', setiap amal kebaikan dianggap sebagai ibadah dan mentauhidkan Allah Ta'ala jika ia dikerjakan dengan ittiba' kepada al-Quran, sunnah, kepatuhan dan ikhlas semata-mata kerana Allah Ta'ala.

Rumusannya,

Sesungguhnya **Tauhid Uluhiyyah** merupakan inti/teras dakwah yang diserukan oleh para Rasul-rasul 'alaihimussalatu was sallam kepada umat manusia.

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ مِنْ رَّسُولٍ إِلَّا نُوحِيَ إِلَيْهِ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنَا فَاعْبُدُونِ ﴿٢٥﴾

"Dan Kami tidak mengutus seorang Rasul sebelum kamu, melainkan Kami wahyukan kepadanya: "Bahwasanya tidak ada ilah(yang berhak diibadahi) melainkan Aku,maka ibadahilah Aku olehmu sekalian." (al Anbiyaa':25)

Agar mereka beribadah dan mentauhidkan Allah Ta'ala;

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَنَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

"Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu. (Az-Dzaariat:56)

Untuk bacaan lanjut bagi menambahkan pemahaman, sila rujuk buku-buku berikut;

1. Abdul Akhir Hammad al Ghunami,**Tahdzib Syarh Ath-Thahawiyah**,At Tibyan,1995
2. Syaikh Abdullah bin Ibrahim al Qar'awi,**al Waajibat**,Media Hidayah,2005
3. Asy-Syaikh Abdurrozaq bin Abdul Muhsin Al-Abbad,**Mengapa Tauhid Dibagi Tiga**,Darul Ilmi, 2006

4. Abdullah bin Abdil Hamid al-Atsari, **Intisari Aqidah Ahlis Sunnah wal Jamaah**,Pustaka Asy-Syafi'i,2006
5. Syeikh Abdul Qadir b. Abdul Muthalib Al-Indunesia Al-Mandili,**Perisai Bagi Sekalian Mukallaf atau Simpulan Iman Atas Mazhab Salaf**,Al-Hidayah,2003
6. Imam Ahmad bin Hanbal,**Usul as Sunnah**,Pustaka Darul Ilmi,1996
7. Syeikh Abu Ostman Ismal Ash Shobuni,**Aqidatus-Salaf**(Ahlul Hadith),Jahabersa,2003
8. Syaikh Abu Muhammad al Hassan al Barbahary,**Syarhus Sunnah**,Dar El Hajjah,2002